

Jangan ulangi tuduhan melulu

UM 28 MAR 1990

Dalam ceramahnya Putera Charles dilaporkan menyifatkan pembunuhan beramai-ramai secara kolektif ke atas kaum Asli yang berterusan sebagai satu perkara yang amat memalukan.

Baginda dilaporkan merujuk kenyataan itu kepada kaum Penan di Sarawak yang dikatakan telah ditindas malah dipenjarakan kerana mempertahankan bumi mereka sendiri dan juga kaum Yanomani di Brazil yang kini hampir pupus berikutan pencerobohan haram oleh pendulang emas.

Menurut kenyataan JPM itu Sir Nicholas memberitahu Perdana Menteri bahawa Putera Charles membuat kenyataan berkenaan atas sifat peribadi baginda tanpa nasihat dari kerajaan British.

Beliau menjelaskan Putera Charles tidak mempunyai kedudukan dari segi perlembagaan.

Katanya perkataan pembunuhan beramai-ramai tidak menggambarkan pandangan ke-

rajaan British.

Malah, tambahnya, Perdana Menteri Margaret Thatcher telah menulis sendiri surat kepada Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengucapkan tahniah kepada beliau atas ucapannya sewaktu merasmikan mesyuarat ASEAN-EEC di Kuching baru-baru ini.

Dalam ucapan berkenaan Perdana Menteri telah menegaskan sekali lagi tentang cara Malaysia mengurus dan memelihara hutan dan menjadi dasar kerajaan untuk membawa kaum Asli Penan ke dalam arus kehidupan rakyat Malaysia.

Sir Nicholas juga memberitahu Dato' Sri Dr. Mahathir bahawa Putera Charles sendiri telah mengarahkan setiausaha sulitnya untuk menjelaskan kepada rombongan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang datang ke London bahawa baginda tidak bermaksud menuduh Malaysia melakukan pembunuhan beramai-ramai dan mendapati tidak ada cacat cela dalam dasar hutan Malaysia.

Katanya, Putera Charles telah menyatakan rasa kesal baginda bahawa kenyataan itu telah menimbulkan kemarahan rakyat Malaysia.

MAHATHIR INGATKAN BRITAIN BERHUBUNG UCAPAN PUTERA CHARLES MENGENAI PENAN

Jangan ulangi tuduhan melulu

UM 28 MAR 1990

KUALA LUMPUR 27 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan Britain supaya tidak lagi membuat tuduhan-tuduhan melulu seperti yang didakwa dilakukan oleh Putera Charles baru-baru ini demi menjaga hubungan dengan Malaysia.

Perdana Menteri memberi ingatan ini sewaktu dikunjungi Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia Sir Nicholas Spreckley. Duta itu menjelaskan mengenai dakwaan kononnya dibuat oleh baginda bahawa kerajaan Malaysia melakukan pembunuhan beramai-ramai ke atas kaum asli Penan di Sarawak.



PUTERA CHARLES

Satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri mengenai pertemuan berkenaan petang ini menegaskan bahawa dakwaan itu telah melukakan hati rakyat Malaysia.

Putera Charles dikatakan telah membuat dakwaan itu dalam ceramahnya mengenai hutan tropika di Royal Botanic Garden, London pada 6 Februari lalu.

Kenyataan baginda telah menimbulkan protes di kalangan rakyat Malaysia termasuk tokoh-tokoh politik yang menganggapnya tidak berasas sama sekali.

Perdana Menteri sendiri berkata Malaysia membantah dakwaan berkenaan kerana kenyataan tidak benar yang dibuat oleh seorang yang berkedudukan tinggi boleh mempengaruhi dunia.

LIHAT MUKA 2